

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL . 1/97**

#### **PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADA PENEROKA-PENEROKA DALAM RANCANGAN PEMULIHAN (RPT) KESEDAR**

---

Pekeliling ini dikehluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.5/97 telah bersidang pada 29/1/97 semasa menimbang Kertas Bil. 5/156/97 telah membuat keputusan berkaitan dengan pemberian milik tanah kepada peneroka-peneroka dalam Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) KESEDAR.

2. Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui kertas mesyuarat di atas dan tindakan yang perlu di ambil adalah sebagaimana berikut :-
  - 2.1. Tempoh pemilikan tanah untuk tanah-tanah Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) KESEDAR adalah untuk tempoh selama-lamanya.
  - 2.2. Pemberian milik tanah RPT KESEDAR yang telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah untuk tempoh selamanya selepas tahun 1985 adalah disahkan.
  - 2.3. Oleh itu bagi kelulusan di para 2.1 dan 2.2 di atas catatan kelulusan, iaitu Pek.PTG.Bil.1/97 hendaklah dibuat di atas dokumen hakmilik keluaran dan hakmilik daftar yang berkenaan.
  - 2.4. Kelulusan ini hanya diberikan kepada tanah-tanah Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) KESEDAR sahaja.

2.5. Perkataan untuk Sekatan Kepentingan dipinda dan diubah menjadi seperti berikut :-

2.5.1. Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini :-

- a) Tidak boleh dipindahmilik, gadai, pajak, cagar (lien) atau dibuat sebarang perkiraan melainkan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.
- b) "Sekatan 2.5.1(a) di atas adalah dikecualikan bagi maksud gadaian tanah ini kepada Bank atau Institusi Kewangan yang disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah mendapat pinjaman sendiri". ( Keputusan MMK pada 27.6.1990 mengikut Kertas Bil.13/407/90(31) ).  
- Arahan PTG.Bil. 3/90.

2.5.2. Tidak boleh dibuat pindahmilik dalam tempoh 10 tahun daripada pendaftaran hakmilik pertama.

2.5.3. Tempoh sekatan pindahmilik selama 10 tahun yang dikenakan sepertimana di para 2.5.2 di atas dikecualikan bagi pindahmilik kepada waris terdekat dan dalam keadaan-keadaan tertentu ( Exceptional Circumstances ) yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

- 2.5.4. Tidak boleh didaftarkan dengan nama lebih daripada seorang tuan punya melainkan sebagai Penguasa atau sebagai Pemegang Amanah.
- 2.5.5. Tidak boleh dipecah sempadan atau dipecah bahagian.
- 2.6. Sekatan Kepentingan di para 2.5 di atas hendaklah dimasukkan sebagai Sekatan Kepentingan bagi hakmilik-hakmilik yang baru hendak diangkat untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Bagi hakmilik-hakmilik yang telah diluluskan tidak ada perubahan di atas Sekatan Kepentingan sedia ada.
3. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

**t.t**  
**(Haji Nik Aznan Shah bin Dato' Nik Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**KEPADÀ:**

Yang Amat Berusaha, Semua Pentadbir Tanah  
Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Dato' Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewanagan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Dato' Penasihat Undang – Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A. Brs. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan.
7. Y.A. Brs. Pengurus Besar KESEDAR .
8. Y.A. Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,  
KOTA DARUL NAIM,  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL : P.T.G. KN.SULIT 21/3/2(66).  
BERTARIKH : 11 SYAWAL 1417.  
19 FEBUARI 1997.**